

Askar Malaysia

BH 08 JUN 1993

tetap ke Somalia: PM

9

LANGKAWI, Isnin — Malaysia akan menghantar tentera pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Somalia walaupun ada tentera pengaman negara lain terbunuh dalam pertempuran di negara itu, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan menunaikan janjinya kepada PBB walaupun berlaku beberapa

pertempuran di antara tentera pengaman PBB dengan puak bertentangan di sana.

Bagaimanapun katanya, tindakan dan langkah perlu akan diambil bagi memastikan keselamatan tentera negara.

"Kita sudah membuat pengakuan dan akan tetap pergi.

"Kita tidak boleh kata pasukan kita hanya boleh ke sana kalau dalam keadaan selamat. Mereka

pergi untuk menjaga keselamatan dan jika pihak lain pergi terlebih dulu untuk memastikan keselamatan, tidak perlu kita menghantar tentera," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari bahawa tentera yang akan ke sana menghadapi pelbagai tu-

gas bahaya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan mengenai pertempuran di Somalia yang menyebabkan 22 askar pengaman Pakistan terbunuh dan 50 lagi cedera.

Mengikut laporan itu, tentera Pakistan diserang ketika memeriksa depot senjata milik panglima perang Somalia Jen Mohamed Farah Aideed, di Mogadishu kelmarin.